

Keutuhan UMNO gerunkan Pas

UM 17 FEB 2003

Oleh

AHMAD SYAHIR KASSIM

PULAU PINANG 16 Feb. — Kemantapan dan keutuhan UMNO Kelantan setelah berlaku perubahan tampuk pimpinan bulan lalu mula menggerun dan menakutkan Pas menjelang pilihan raya umum akan datang, kata Setiausaha Agung UMNO, Tan Sri Khalil Yaakob.

Menurut beliau, barisan kepimpinan baru itu melakukan proses merapatkan perpaduan dan menanamkan kesedaran di kalangan rakyat di Kelantan dengan pantas.

Dijalinkan

“Hubungan mesra yang dijalinkan barisan pemimpin baru di negeri itu mula mendapat sambutan baik dari masyarakat di Kelantan.

“Rakyat di Kelantan juga telah menunjukkan keyakinan dan semangat baru bukan sahaja kepada UMNO malah kepada kepimpinan baru,” kata-

nya ketika ditemui pemberita selepas menghadiri Seminar Pemikiran Dr. Mahathir Untuk Generasi Muda anjuran Jabatan Hal Ehwal Khas negeri di Kompleks Masyarakat Penyayang di sini, hari ini.

Lebih 200 peserta yang terdiri daripada penuntut institusi pengajian tinggi (IPT) maktab perguruan, Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) dan pelajar sekolah menengah menghadiri seminar sehari itu yang dirasmikan oleh Yang Dipertua Negeri, Tun Abdul Rahman Abbas.

Beliau mengulas ujian getir Pas apabila berdepan dengan UMNO dan Barisan Nasional (BN) yang semakin kukuh dan mantap di Kelantan menjelang pilihan raya umum akan datang.

Malah, kebimbangan Pas semakin ketara berikutan kedudukan UMNO dan BN yang mula mendapat semangat baru serta keyakinan rakyat di semua peringkat.

Ahli Majlis Tertinggi



Seksyen Tiga

UMNO, Datuk Annuar Musa berkata, Pas akan melakukan apa sahaja dalam pilihan raya umum kali ini bagi menghalalkan cara dalam memastikan penguasaanya berterusan di negeri itu.

Pemerintahan

Khalil yang juga Menteri Penerangan berkata, berikutan penerimaan baik rakyat Kelantan, UMNO yakin mampu mengambil alih tampuk pemerintahan di negeri itu dari Pas.

Katanya, perpaduan di kalangan ahli UMNO khususnya di negeri itu telah menunjukkan tan-

da positif sekali gus menjadi pertanda baik kepada parti.

“Jika UMNO mahu menang di negeri itu, tumpuan yang perlu diberi perhatian serius ialah perpaduan. Bukan sahaja di kalangan pemimpin malah di peringkat akar umbi juga perlu diperkukuh dan dimantapkan.

“Proses perpaduan yang dilakukan barisan kepimpinan baru didapati memang cepat dan saya yakin menjelang pilihan raya UMNO di Kelantan akan lengkap dan sempurna,” katanya lagi.